

40 tahun Perang Enam Hari

UM 6.6.2007 MS10

Derita Palestina berpanjangan

MASIH

MASIH jelas terbayang imej yang menunjukkan insiden jabat salam di pekarangan halaman White House pada tahun 1993.

Walaupun pemimpin Israel-Palestin pada masa itu masing-masing kelihatan 'dingin' dan seperti dipaksa, tangan dihulur, jabat disambut itu memberi janji kepada impian yang sangat ingin dicapai oleh penduduk kedua-dua belah pihak.

Dalam hal ini, Palestin mengharapkan sebuah negara sendiri yang berdaulat, Israel kepingin iklim politik yang aman damai.

Namun sejurus selepas itu, kedua-dua pihak tidak pernah sebulu, sering terjebak dalam kancan keganasan, malahan lebih mendukacitakan, ia berlarutan sehingga hari ini.

Momen bersejarah lagi dipenuhi harapan menggunung yang berlaku pada tahun 1993 telah menjadi asas kepada 40 tahun, sejak Israel menakluki Tebing Barat menerusi Jordan dan Genting Gaza dari Mesir. Penaklukan itu juga dipanggil Perang Enam Hari.

Sewaktu Palestin dan Israel memperingati semula ulang tahun perang 144 jam itu, bermula semalam, 40 tahun lepas, majoriti penduduk terbabit kini lebih gemar memilih untuk berada secara 'berasingan' satu matlamat yang barangkali boleh dianggap ibarat mimpi di siang hari.

Pada 13 September 1993, Presiden Amerika Syarikat (AS) pada masa itu, Bill Clinton, berjaya menggerakkan Presiden Palestin ketika itu, Yasser Arafat (kini Allahyarham) bersua muka dengan Israel pada masa itu Perdana Menteri ialah Yitzhak Rabin.

Perjumpaan empat mata pemimpin Israel-Palestin itu berlaku selepas kedua-duanya menandatangani satu persetujuan julung-julung kali di antara kedua-duanya berkenaan pelan bertindak perdamaian.

Rabin perlu 'dipaksa' menggerakkan tangan oleh Menteri Luarnya semasa berjabat untuk bersalam dengan Arafat.

Maka, jabat tangan yang dianggap kurang ikhlas itu seolah-olah menghantar makna bahawa proses damai sesungguhnya ada ranjau, bukan berjalan lancar seperti yang dimahukan oleh Palestin dan Israel.

Selepas rundingan demi rundingan yang berjalan selama beberapa lama, proses damai seolah-olah menjadi jalan yang membuka laluan ke arah keganasan. Malahan barangkali kalau kita bersetuju, ia lebih merupakan sesuatu yang statik sejak 1967. Dan situasi lebih mendominasi ialah di mana rakyat Palestin terus bermandi darah, adanya siri serangan pejuang Palestin dan operasi ketenteraan selain sekatan yang tidak berkesudahan.

Selepas Israel mencapai kejayaan menerusi rancangan serangannya dari Mesir dan Syria serta menghalau keluar tentera Jordan dari timur Baitulmaqdis dan Tebing Barat, penduduk Israel dan Palestin seolah-olah berada dalam keadaan tidak menentu, malah



IMEJ yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan Israel kelmarin menunjukkan tentera Israel menuju ke kubu pertahanan Syria di Bukit Golan semasa Perang Enam Hari yang bermula pada 5 Jun 1967.

- AP

Duri dalam daging itu ialah penguasaan ke atas Baitulmaqdis dan penyelesaian kepada masalah pelarian Palestin susulan perang pada tahun 1948-49, yang membawa kepada kewujudan negara Israel di muka bumi ini

kucar-kacir.

Berpuluh-puluh penduduk Israel berpusu-pusu ke Baitulmaqdis untuk melihat dan menyentuh tapak suci mereka. Ia berada dalam kawalan Jordan sejak tahun 1949. Kelompok Israel yang lain mengembara ke tapak-tapak lain yang terletak di Tebing Barat.

Pada masa sama, penduduk Palestin pula ketakutan berada dalam rumah sendiri sehingga setiap hari gusar nyawa mereka melayang di tangan tentera Israel.

Pada mulanya, Israel tidak boleh menerima bahawa adanya kelompok penduduk Palestin di kalangan mereka. Bagaimanapun, kemudiannya mereka percaya bahawa jika melayan dengan baik Palestin, mereka berupaya menguburkan cita-cita politik Arafat, yang pada masa itu hidup dalam buangan.

Pada Jun 1987, pentadbiran awam Israel, sayap tentera rejim itu telah mengeluarkan risalah warna-warni mendabik dada memperincikan kejayaan Israel sepanjang tempoh dua dekad penguasaan mereka di Tebing Barat dan Gaza.

Sekali gus ia memberikan penduduk Palestin jalan raya, sekolah, hospital dan kemakmuran. Tetapi Palestin tetap menderita di bawah penaklukan Israel dan hanya lima bulan ke-

mundian, situasi menjadi seperti bom jangka.

Bermula dengan Gaza, kemudian Tebing Barat, kedua-duanya menjadi saksi kepada beberapa siri rusuhan. Pasukan tentera Israel cuba mengekang dan memadamkan api rusuhan itu dengan membunuh para perusuh yang melemparkan batu serta bom tangan.

Penindasan

Kemuncak kebangkitan pula ialah di mana kalangan remaja Palestin yang membesar di bawah penindasan Israel mendesak agar konflik dan keganasan segera diakhiri. Tetapi keganasan memaksa Israel ke meja rundingan dengan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) pimpinan Arafat, pertamanya secara rahsia, kemudian dibuat terbuka sehingga membawa kepada insiden berjabat tangan di hadapan halaman White House pada 1993.

Arafat kembali ke Gaza pada tahun 1994 dan Palestin serta Israel merasakan bahawa perdamaian benar-benar semakin hampir menjadi kenyataan serta mereka berada di landasannya. Namun mereka sebenarnya silap.

Perang Enam Hari selepas 40 tahun



April-Mei 1967

Pertempuran di antara Syria dan Israel. Sekutu Syria, Mesir menyekat saluran air utama kepada Israel. Ia turut meyakinkan negara-negara Arab bahawa perang ke atas Israel boleh dimenangi.

5-10 Jun 1967

Israel melancarkan serangan udara mengejut, memusnahkan pasukan udara Mesir. Negara-negara Arab mengisytiharkan perang ke atas Israel. Israel merampas bandar-lama Baitulmaqdis, mengambil padang pasir Sinai dari Mesir, Tebing Barat (Jordan) dan Bukit Golan (Syria).

22 November 1967

PBB meluluskan Resolusi 242, medesak Israel berundur dari wilayah diduduki semasa perang. Konflik itu satu kejayaan ketenteraan buat Israel. Tetapi ia membuahkannya keabuntuan politik yang berpanjangan hingga hari ini.

Benar, banyak persetujuan dirundingkan tetapi kenyataannya juga ia tidak pernah dilaksanakan. Israel keluar dari beberapa buah bandar dan kem-kem pelarian di Tebing Barat tetapi mengekalkan penguasaan ke atas rutin penduduk Palestin.

Lalu, Palestin menyeludup sejumlah besar senjata ke kawasan mereka, sebagai langkah berjaga-jaga jika diserang Israel atau benteng kepada sebarang pertelingkahan susulan.

Apabila keganasan meletus semula pada September 2000, konflik berkenaan seolah-olah tidak dapat diselamatkan lagi.

Dalam tempoh tujuh tahun lepas sejak tarikh itu, ia menyaksikan lebih 100 serangan berarah mati Palestin ke atas Israel selain keganasan bertubi-tubi lagi sengit tentera Israel terhadap Tebing Barat dan Gaza.

Malahan pengunduran Israel dari Gaza pada 2005 tidak dilihat sebagai isyarat untuk ketegangan menjadi reda, sebaliknya bertukar lebih anarki lebih-lebih lagi apabila berlaku serangan pihak pejuang yang memaksa tentangan balas kumpulan Israel.

Ahad lalu, kenderaan berperisai dan kereta kebal Israel mara ke Gaza, mereka menahan beberapa rakyat Palestin dalam satu pertempuran dengan sekumpulan lelaki bersenjata.

Tinjauan pendapat selama ini menunjukkan bahawa baik Palestin mahupun Israel

inginkan sebuah negara yang damai tetapi diwujudkan dua negara berasingan.

Yang mendukacitakan ialah pemimpin kedua-dua belah pihak kelihatan tidak berdaya mengatasi masalah apalagi merungkaikan hambatan duri dalam daging konflik Israel-Palestin.

Duri dalam daging itu ialah penguasaan ke atas Baitulmaqdis dan penyelesaian kepada masalah pelarian Palestin susulan perang pada tahun 1948-49, yang membawa kepada kewujudan negara Israel di muka bumi ini.

Kehidupan Palestin menderita setiap hari. Beratus-ratus sekatan jalan raya oleh Israel menghalang mereka bergerak bebas di Tebing Barat dan Gaza. Lebih daripada itu, mereka terencil daripada dunia luar, ekonomi mereka menguncup manakala hidup mereka dibelenggu oleh askar Israel, birokrat dan sekatan jalan raya.

Kini, Israel membina tembok di sepanjang Tebing Barat, tetapi memasuki beberapa wilayah milik Palestin. Alasan kepada pembinaan itu adalah bagi menghalang penyerang berani mati Palestin memasuki Israel.

Tetapi realitinya, itulah juga tembok yang menandakan sempadan masa - harapan wujudnya sebuah perdamaian di masa lampau, realiti keganasan dan kebencian di masa depan.